

SOALAN NO: 16

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**  
**TARIKH : KHAMIS, 8 MAC 2018**  
**RUJUKAN : L5 [PR-1361-L04496]**  
**SOALAN : 16**

Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kacau ganggu yang timbul dari projek pembinaan Bukit Bintang Commercial Centre (BBCC) di tapak bekas Penjara Pudu walaupun warga kota sering mengadu tetapi DBKL membenarkan kerja lebih masa hampir 24 jam di situ.

23

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan Bukit Bintang City Centre (BBCC) adalah projek usahasama di antara BBCC Development Sdn. Bhd. bersama Uda Holdings Berhad. Ianya mengandungi 5 Fasa di mana pembinaan Fasa 1 telah dimulakan pada bulan September 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2020. Keseluruhan projek ini (Fasa 1 hingga 5) dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2025.

Kebenaran Kerja Lebih Masa telah diberikan kepada Parcel 1, 2, 4 dan 5 untuk pembangunan Fasa 1. Kerja pembinaan lebih masa telah diluluskan melalui Jawatankuasa Pusat Setempat (J/KPS2) DBKL, di mana waktu yang dibenarkan adalah:

- (i) 7.00 malam hingga 5.00 pagi untuk hari Isnin – Sabtu; dan
- (ii) 8.00 pagi hingga 5.00 petang untuk hari Ahad dan Cuti Am

Kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan adalah kerja '*Sub-structure*' iaitu kerja-kerja pembinaan dari paras tanah ke bawah. Sebab utama Kebenaran Kerja Lebih Masa diberikan adalah setelah mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

- (i) Bagi mengelakkan kesesakan lalulintas di Jalan Pudu, Jalan Hang Tuah dan Jalan Imbi pada waktu siang akibat kerja-kerja membawa keluar tanah;

- (ii) BBCC merupakan projek yang terletak dalam kawasan pusat bandar dan dikelilingi bangunan-bangunan komersial dan pejabat; dan
- (iii) BBCC merupakan projek '*iconic*' sebahagian simbol kemegahan bandar raya Kuala Lumpur yang perlu dijayakan penyiapannya.

**SOALAN ( 17 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 8 MAC 2018  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**SOALAN :**

**YB DATO' AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah program yang telah direncana oleh Kerajaan bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat kelas pertengahan bagi menghadapi peningkatan kos sara hidup.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), pelbagai usaha pembangunan secara inklusif diteruskan bagi memastikan manfaat pertumbuhan dapat dirasakan oleh semua peringkat masyarakat. Secara khususnya, program dan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat, adalah dengan tujuan supaya rakyat dapat menyerap sebahagian daripada kos pembangunan yang terlibat. Dalam hal ini, pelbagai langkah telah diambil dalam setiap sektor atau bidang dan antara tindakan utama adalah;

**Pertama; Meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan awam dan akses kepada kemudahan tersebut.** Dalam hal ini, Kerajaan akan menggalakkan penyertaan yang lebih aktif penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta dan NGO untuk menyediakan pusat kemudahan khusus seperti dialisis, pemulihan dan makmal ujian perubatan di bandar. Kemudahan oleh pihak swasta ini akan menjadi pelengkap kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan sedia ada yang

27

diberi oleh Kerajaan. Di luar bandar, lebih banyak klinik desa akan dibina untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan asas.

**Kedua; Memperkenalkan Sistem Jaringan Keselamatan Sosial (SSN) yang bersepadu dan komprehensif.** Satu badan penyelarasan peringkat tertinggi iaitu Majlis Perlindungan Sosial Negara telah ditubuhkan untuk menyediakan panduan dasar bagi keseluruhan sistem perlindungan sosial, merangka strategi perlindungan sosial negara untuk merealisasikan program perlindungan sosial dan menyelaraskan pelaksanaan program-program berkaitan. Majlis Perlindungan Sosial Negara dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal serta Kumpulan Kerja bagi meneliti dan memperincikan isu-isu berkaitan perlindungan sosial.

**Ketiga; Meningkatkan sokongan bersepadu kepada usahawan** dengan kerjasama agensi dalam menyediakan program sokongan keusahawanan kepada usahawan mikro, kecil dan sederhana di bandar dan luar bandar, antaranya SME Corp, TEKUN Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Keempat; **Membangunkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial** yang merupakan pendekatan sistematik berasaskan model koperasi bagi menjalankan aktiviti seperti pusat asuhan dan jagaan kanak-kanak dan pusat tuisyen. Usaha ini adalah bagi memperkasa kepimpinan tempatan.

Kelima; **Menggalakkan pelaburan di kawasan majoriti golongan berpendapatan rendah dan sederhana** dengan penyertaan syarikat multinasional (MNC) dan syarikat besar tempatan (GLC) untuk memberi galakan melalui penyediaan Dana Mudahcara.

Tuan Yang Di Pertua, Dengan penglibatan bersepadu dan berterusan semua pihak Kerajaan dan swasta, inisiatif-inisiatif yang telah dan akan disediakan Kerajaan akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat di semua peringkat dan boleh membantu golongan kelas pertengahan ini menghadapi peningkatan kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

8 Mac 2018